

Kerajaan terus ringankan beban rakyat

» Laksana bantuan pendidikan, tidak cadang beku pengambilan, tamat khidmat kakitangan awam

Oleh Kamarulzaidi Kamis, Magendran Rajagopal, Shahrizan Salian, Irwan Shafrizan Ismail dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan akan terus melaksanakan bantuan pendidikan serta program meringankan beban rakyat, selain tidak bercadang membekukan pengambilan atau menamatkan perkhidmatan kakitangan awam meskipun pendapatan negara terjejas ekoran penurunan harga minyak mentah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata meskipun kerajaan membuat pengubahsua-

“Bahkan, kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan satu kenaikan gaji tahunan kepada penjawat awam pada 1 Julai 2016, seperti dijanjikan dalam Bajet (2016),” katanya.

Dalam pada itu, Najib menegaskan, kerajaan juga meneruskan program bantuan pengajian dan skim latihan siswazah dalam memantapkan lagi modal insan di negara ini.

“Walau apapun berlaku, kerajaan tetap memberi jaminan dan komited terhadap ehwal pendidikan dan masa depan anak-anak kita. Kerajaan bersetuju, untuk meneruskan empat program tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tahun 2016,” katanya.

Empat program berkenaan

BH
29/1/2016
mls 4

Ini (langkah perbelanjaan berhemat) tidak akan membabitkan emolumen kakitangan awam, pencen pesara dan **tidak akan menjejaskan mekanisme penyampaian kerajaan.** Malah, kerajaan tidak akan memberhentikan mana-mana penjawat awam, termasuk lantikan secara kontrak”

Langkah

1



Potongan caruman KWSP pekerja

3%


mulai Mac 2016 -
Disember 2017

Dijangka meningkatkan perbelanjaan swasta sehingga

RM

8

Bilion setahun



Langkah

3

Mengurangkan kos harga barang keperluan harian rakyat



Meliberalisasikan kawalan kuota import bagi lapan produk pertanian seperti, biji kopi mentah, daging kerbau, lembu dan kambing

8
Produk

FAMA membuka MyFarm Outlet yang jual ikan, ayam, daging, sayuran dan buah-buahan, dengan harga 5 hingga 20 peratus lebih rendah dari harga pasaran



MyFarm Outlet pertama di Presint 7, Putrajaya, Mac ini. 10 lagi menjelang akhir tahun

Kedai harga patut ditambah daripada 640

ian Bajet 2016 selaras perkembangan pasaran global, namun tumpuan kepada program dan projek yang berimpak tinggi berlandas falsafah 'ekonomi rakyat' akan tetap diteruskan.

"Program Pemberian BR1M dan bantuan kebajikan akan terus dilaksanakan. Di sini juga saya tegaskan, bahawa kerajaan akan mengekalkan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) seperti sedia ada," katanya ketika mengumumkan pengubahsuaian Bajet 2016 di sini, semalam.

Selain itu, Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa tiada pemberhentian pekerja atau pembekuan pengambilan kakitangan dalam sektor awam.

Kenaikan gaji tahunan

"Ini (langkah perbelanjaan berhemat) tidak akan membabitkan emolumen kakitangan awam, pencen pesara dan tidak akan menjejaskan mekanisme penyampaian kerajaan. Malah, kerajaan tidak akan memberhentikan mana-mana penjawat awam, termasuk lantikan secara kontrak.

adalah Program Biasiswa Nasional bagi 20 pelajar terbaik lepasan SPM, untuk melanjutkan pengajian di universiti terkemuka dunia; Program Khas Kejuruteraan bagi 200 orang pelajar ke Jepun, Korea, Jerman dan Perancis; Program Lepasn Bursary bagi 744 pelajar; dan pengambilan baharu 8,000 pelajar yang akan diberikan biasiswa untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama dalam negara.

Seterusnya, Najib berkata, peruntukan pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM5 bilion akan disalurkan kepada mahasiswa.

Sementara itu, program latihan seperti Program MyBrain15, Skim Latihan Akademik Bumiputera dan Skim Latihan Akademik IPTA akan diteruskan dipergiatkan.

Sebagai tambahan, jelas Perdana Menteri, kerajaan bersetuju menambah seramai 15,000 baru untuk program MyMaster; 5,000 untuk program MyPhD dan 300 untuk Skim Latihan Akademik IPTA dengan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta.

**“
Bahkan,
kerajaan juga
akan
meneruskan
pelaksanaan
satu kenaikan
gaji tahunan
kepada
penjawat
awam pada
1 Julai 2016,
seperti dijanjikan
dalam Bajet
(2016)”**

**Najib Razak,
Perdana Menteri**

Langkah

2

Pelepasan cukai RM2,000

bagi pekerja berpendapatan
RM8,000 sebulan ke bawah

- Kerajaan akan kehilangan hasil RM350 juta ringgit
- Menjimatkan bayaran cukai individu sehingga RM475
- Memanfaatkan 2 juta pembayar cukai



ditambah daripada 640 kepada 1,000 menjelang akhir tahun

- RM50 tambahan insentif input bagi pengeluaran padi setiap tan padi bersih

- Program MyBeras - setiap keluarga miskin tegar dibekalkan 20 kilogram beras sebulan sehingga Disember 2016

